SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata kerja pasif** *dan* **dua kata bantu**. *Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Profesion keguruan cukup mencabar jika dilihat dari segi tanggungjawab guru terhadap agama, bangsa dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana merekalah yang harus memastikan Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru dicapai dengan jayanya. Pendidik memainkan peranan yang dominan dalam usaha merealisasikan aspirasi negara untuk mewujudkan perpaduan kaum. Guru juga membuktikan bahawa mereka dapat mengimbangkan kewujudan integrasi nasional yang menjamin keamanan dan kesejahteraan negara. Guru ialah ejen keberkesanan pendidikan. Keberhasilan guru terhadap tanggungjawab dan keluhuran peribadi disifatkan sebagai cabaran yang harus diharungi dengan profesional.

[8 *markah*]

SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata majmuk** *dan* **dua kata hubung**. *Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sikap terbuka merupakan ciri seorang guru besar yang boleh dijadikan contoh. Guru besar yang mempunyai sikap ini akan sentiasa mendengar pandangan daripada pihak lain seperti guru, ibu bapa atau murid. Bukan itu sahaja, guru besar mestilah tabah dan memikul tanggungjawab dengan sempurnanya, terutama sekali ketika menghadapi masalah atau cabaran. Blumberg dan Greenfield (1986) pula berpendapat bahawa ciri penting yang perlu ada pada diri seorang pengetua adalah bijak dan pintar semasa bertindak serta mempunyai daya usaha yang tinggi.

[8 *markah*]

SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata ganda** *dan* **dua kata adjektif**. *Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Untuk merealisasikan pembelajaran abad ke-21, guru perlulah lebih kreatif dalam konteks merancang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk pelajar. Pelbagai kaedah dan strategi PdP boleh diimplementasikan bagi membolehkan pelajar bekerjasama serta menjadi aktif di dalam kelas. Dalam konteks masyarakat Malaysia, konsep bekerjasama telah lama diamalkan. Masyarakat Melayu sering kali melakukan sesuatu kerja secara bersama-sama dan tolong-menolong antara satu sama lain. Malah konsep gotong-royong telah diguna pakai dalam sistem pendidikan masyarakat Melayu pada masa lampau. Selain itu, pelajar sering bekerjasama untuk belajar bersama-sama.

[8 *markah*]

JAWAPAN
SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata kerja pasif** *dan* **dua kata bantu**. *Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Profesion keguruan cukup mencabar jika dilihat dari segi tanggungjawab guru terhadap agama, bangsa dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana merekalah yang harus memastikan Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru dicapai dengan jayanya. Pendidik memainkan peranan yang dominan dalam usaha merealisasikan aspirasi negara untuk mewujudkan perpaduan kaum. Guru juga membuktikan bahawa mereka dapat mengimbangkan kewujudan integrasi nasional yang menjamin keamanan dan kesejahteraan negara. Guru ialah ejen keberkesanan pendidikan. Keberhasilan guru terhadap tanggungjawab dan keluhuran peribadi disifatkan sebagai cabaran yang harus diharungi dengan profesional.

[8 *markah*]

Kata kerja pasif

1. Disifatkan - Tindakan individu yang memijak bendara Jalur Gemilang disifatkan sebagai keterlaluan.
2. Diharungi - Pelbagai cabaran yang diharungi oleh pelajar berkenaan akhirnya membuahkan hasil.

Kata bantu

1. Harus - Guru harus mempelbagaikan teknik pengajaran untuk menarik minat murid-murid di dalam kelas.
2. Dapat - Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan dapat mengurangkan penularan wabak Covid-19.

JAWAPAN SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata majmuk** *dan* **dua kata hubung**. *Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sikap terbuka merupakan ciri seorang guru besar yang boleh dijadikan contoh. Guru besar yang mempunyai sikap ini akan sentiasa mendengar pandangan daripada pihak lain seperti guru, ibu bapa atau murid. Bukan itu sahaja, guru besar mestilah tabah dan memikul tanggungjawab dengan sempurnanya, terutama sekali ketika menghadapi masalah atau cabaran. Blumberg dan Greenfield (1986) pula berpendapat bahawa ciri penting yang perlu ada pada diri seorang pengetua adalah bijak dan pintar semasa bertindak serta mempunyai daya usaha yang tinggi.

[8 *markah*]

Kata majmuk

1. Guru besar - Guru besar diarahkan oleh Perdana Menteri untuk mengesan murid-murid yang berkeperluan khas.
2. Tanggungjawab - Guru mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan murid-murid mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Kata hubung

1. Yang - Baju yang dibeli oleh kakak secara dalam talian itu tidak seperti yang ditunjukkan dalam gambar.
2. Serta - Puan Azirah merupakan pekerja yang baik serta rajin.

JAWAPAN
SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata ganda** *dan* **dua kata adjektif**. *Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Untuk merealisasikan pembelajaran abad ke-21, guru perlulah lebih kreatif dalam konteks merancang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk pelajar. Pelbagai kaedah dan strategi PdP boleh diimplementasikan bagi membolehkan pelajar menjadi aktif di dalam kelas. Dalam konteks masyarakat Malaysia, konsep bekerjasama telah lama diamalkan. Masyarakat Melayu sering kali melakukan sesuatu kerja secara bersama-sama dan tolong-menolong antara satu sama lain. Malah konsep gotong-royong telah diguna pakai dalam sistem pendidikan masyarakat Melayu pada masa lampau. Selain itu, pelajar sering bekerjasama untuk belajar bersama-sama.

[8 *markah*]

Kata ganda

1. Tolong-menolong - Tolong-menolong merupakan satu keperluan agar beban seseorang dapat dikurangkan.
2. gotong-royong - Aktiviti gotong-royong dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat.

Kata adjektif

1. Lama - Zainab sudah lama tidak pulang ke kampung sejak kematian ahli keluarganya dalam kemalangan.
2. Aktif - Ishak sangat aktif memberikan ceramah di mukim-mukim yang berdekatan dengan rumahnya.